

AL-HIKMAH

Jilid	14	ISSN 1985-6822	2022
No.	1		1443

- PENDEKATAN HEUTAGOGI: PERSEPSI MURID TERHADAP PENTAKSIRAN RAKAN SEBAYA ... 3-20
Noor Muslieah Mustafa Kamal, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman
- PENAGIHAN DADAH DALAM KALANGAN BELIA DAN IMPAKNYA TERHADAP PSIKOLOGI IBU BAPA ... 21-36
MohD Farid Japeri, Abu Dardaa Mohamad & Khazri Osman
- TINJAUAN AWAL TERHADAP PENGGUNAAN ILMU PERBANDINGAN AGAMA DALAM DAKWAH DI MALAYSIA ... 37-52
Aemy Elyani Mat Zain & Jaffary Awang
- DAKWAH MELALUI PENDEKATAN USRAH TERHADAP PEMBANGUNAN INSAN MAHASISWA... 53-69
Mohd Muqrie Mohd Sopi & Siti Jamiaah Abdul Jalil
- PELAKSANAAN *TARBIYAH AL-RUHIYAH* DI BAHAGIAN DAKWAH, JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU (JHEAT)...70-83
Siti Nabilah Mohd Fadli & Anuar Puteh

Pelaksanaan *Tarbiyat al-Ruhiyah* di Bahagian
Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
(JHEAT)

Implementation of *Tarbiyat al-Ruhiyah* in The Da'wah Division,
Terengganu Department of Religious Affairs (JHEAT)

* SITI NABILAH MOHD FADLI
ANUAR PUTEH

ABSTRAK

Dakwah dan tarbiyah haruslah berjalan seiringan kerana pendakwah sentiasa terdedah kepada dua tarikan Tarikan iman yang sentiasa mendorong melakukan amal soleh. Tarikan dorongan nafsu serta godaan syaitan menjadikan seseorang itu cinta kepada dunia dan membawa kepada kelalaian, kemalasan, panjang angan-angan dan suka bertangguh. *Tarbiyat al-ruhiyah* merupakan salah kaedah dakwah yang penting bagi pembangunan aspek kerohanian. Oleh kerana itu, setiap pendakwah memerlukan bekalan *tarbiyah al-ruhiyah* untuk istiqamah dan teguh dalam melaksanakan tanggungjawab. Secara spesifiknya, kajian ini mengkaji pelaksanaan *Tarbiyat al-ruhiyah* dalam gerak kerja dakwah di bahagian dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (JHEAT). Objektif kajian adalah untuk mengetahui konsep *Tarbiyat al-ruhiyah* menurut perspektif Islam dan untuk mengkaji pelaksanaan *Tarbiyat al-ruhiyah* di bahagian dakwah JHEAT. Kajian menggunakan kaedah pengumpulan data melalui kajian perpustakaan serta temu bual separa berstruktur. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa pelaksanaan *Tarbiyat al-ruhiyah* terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan JHEAT. Pelaksanaan *Tarbiyat al-ruhiyah* yang diterapkan di JHEAT adalah melalui pembentukan akhlak, pembentukan jati diri dan pembentukan kepimpinan. Hal ini dapat dikesan terutamanya melalui kursus-kursus dan seminar-seminar yang dianjurkan untuk pegawai-pegawai JHEAT bagi memantapkan lagi *Tarbiyat al-ruhiyah* dalam diri mereka. Antaranya, kursus pemantapan rohani, integriti, kepimpinan dan tafaqquh. Kajian seterusnya mendapati terdapat cabaran yang dihadapi pihak JHEAT di dalam melaksanakan *Tarbiyat al-ruhiyah*. Justeru, pengkaji mencadangkan agar penerapan kesedaran dalam kalangan mereka terus dipergiatkan.

Kata kunci: *Tarbiyah, dakwah, akhlak, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Terengganu*

ABSTRACT

Da'wah and *tarbiyah* must go hand in hand because the preacher is constantly exposed to two attractions. The attraction of faith always encourages doing good deeds. The attraction of lustful impulses and satanic temptations make a person love the world and lead to negligence, laziness, longing and procrastination. *Tarbiyat al-ruhiyah* is one of the crucial methods of *da'wah* for developing spiritual aspects. Therefore, every preacher needs a supply of *tarbiyat al-ruhiyah* for consistency and firmness in carrying out his responsibilities. Specifically, this study examines the implementation of *tarbiyat al-ruhiyah* in the work of *da'wah* in the *da'wah* division of Terengganu Islamic Religious Affairs Department (JHEAT). The objective of this study is to know the concept of *tarbiyat al-ruhiyah* according to the Islamic perspective and to study the implementation of *tarbiyat al-ruhiyah* in the *da'wah* section of JHEAT. The study used data collection methods through library research and semi-structured interviews. The results show several implementations of *tarbiyat al-ruhiyah* on JHEAT officers and staff. The implementation of *tarbiyat al-ruhiyah* applied in JHEAT is through the formation of morals, the formation of identity and the formation of leadership. These implementations can be detected primarily through the courses and seminars organized for JHEAT officers to strengthen the *tarbiyat al-ruhiyah* further. Among them are courses of spiritual strengthening, integrity, leadership and *tafaqquh*. Further study found that JHEAT in implementing *tarbiyat al-ruhiyah* faces challenges. Therefore, researchers suggest intensive the application of awareness among them continues.

Keywords: *Tarbiyah ruhiyah, da'wah, akhlak, Terengganu Islamic Religious Affairs Department*

Received: 05 June 2022

Revised: 20 June 2022

Accepted: 28 June 2022

Published: 30 June 2022

PENDAHULUAN

Pada dasarnya, *tarbiyah* bagi para pendakwah bertujuan untuk mendidik mereka agar mempunyai jiwa kehambaan dan membersihkan hati mereka daripada sebarang penyakit hati ketika menjalankan dakwah. Tujuan sebenar daripada *tarbiyah* ini dapat memberi kesan kepada diri pendakwah dan juga masyarakat sekeliling. Hasil daripada *tarbiyah* tersebut melahirkan pendakwah yang berakhlak mulia.

Namun, terdapat pendakwah yang tidak menjaga etika dan tidak berakhlak mulia ketika melakukan dakwah. Hal ini akan menimbulkan pandangan yang buruk terhadap golongan pendakwah. Masyarakat pula tidak dapat menerima penyampaian dakwah disebabkan keburukan akhlak mereka. Kerja dakwah kurang mendapat sambutan akibat daripada gagalannya

pendakwah menonjolkan sikap yang baik kepada mad'unya (A'thiroh & Zulaikha Farhan 2015). Oleh kerana itu, masalah sosial sukar untuk dibendung kerana masyarakat sudah tidak mempercayai golongan pendakwah. Sesuatu masyarakat adalah seperti jasad-jasad. Setiap contoh ikutan itu akan memberi kesan samada positif atau negatif, kuat atau lemah. Sekiranya contoh itu buruk, kesannya, masyarakat akan lemah dan sekiranya contoh itu baik, maka masyarakat akan menjadi kuat dan berakhlak mulia (Mustafa1989).

Tambahan pula, terdapat satu artikel daripada berita harian yang menyatakan bahawa pelaksanaan dakwah kini berasaskan populariti (Nik Hasnah 2015). Menurut artikel tersebut, jika pendakwah dijadikan sebagai modal keuntungan, nescaya pihak musuh akan mentertawakan kita. Perubahan yang hendak dilakukan ke arah kebaikan hendaklah dimulai dengan pembinaan peribadi individu. Asas setiap perubahan ke arah kebaikan ataupun pembinaan masyarakat, bermula dengan pembinaan individu. Hal ini memberi maksud perlunya mengubah diri sebelum mengubah organisasi dan pertubuhan (Yusuf al-Qaradhawi 2014).

Dakwah dan tarbiyah haruslah berjalan seiringan. Tanpa tarbiyah, dakwah yang dilakukan mungkin kosong tanpa roh, tersalah tujuan, tersalah langkah, dan hidupnya akan terdedah kepada masalah hati seperti ujub, riak, takbur, susah hati, kecewa, ego dan lain-lain. Bagi memastikan dakwah yang dilakukan adalah dakwah kerana Allah, pendakwah harus memastikan dirinya mendapat tarbiyah yang secukupnya.

Pendakwah sentiasa terdedah kepada dua tarikan. Tarikan iman yang sentiasa mendorong melakukan amal salih dan tarikan syaitan yang akan menghias kefuturannya dalam berdakwah dan menjadikannya cinta kepada dunia. Tarikan syaitan juga menyebabkan pendakwah dalam kelalaian, kemalasan, panjang angan-angan dan bertangguh. (Sheikh Ahmad ar-Rashid 1965) Pendakwah akan mampu menghadapi segala ranjau di dalam jalan ini serta persoalan-persoalan yang menggagunya dengan bekalan tarbiyat al-ruhiyah. Pendakwah yang sebenar adalah mereka yang tingkah lakunya, gerak kerjanya, pandangan matanya, reaksi wajahnya, dan seluruh hidupnya adalah menjadi cerminan kepada Islam. Apabila terdapat kecacatan pada langkah dakwah itu, maka kecacatan juga akan berlaku kepada umat ini. Bagi memastikan Islam tersebar dengan luas dan kemenangan Islam diperoleh dengan cepat, setiap pendakwah haruslah memastikan dirinya dibekali dengan tarbiyat al-ruhiyah.

Setiap program yang dijalankan sudah semestinya mempunyai pelbagai cabaran untuk dilaksanakan. Dalam masa yang sama, pendakwah akan merasa kepenatan dan kelelahan dalam setiap pelaksanaan program tersebut. Tanpa keikhlasan dan keimanan yang kuat, pendakwah tidak akan mampu menghadapi sebarang ranjau dengan baik. Pendakwah juga mungkin

akan mudah kecundang apabila program tidak berjalan dengan baik. Oleh kerana itu, setiap pendakwah memerlukan bekalan ruhiyah yang secukupnya ketika mengemban beban tanggungjawab ini. Tanpa bekal seseorang akan terputus di tengah jalan dan binasa sebelum sampai kepada tujuan sebenar (Najih 2009).

Oleh kerana itu, pengkaji merasakan suatu keperluan untuk melakukan kajian ini di JHEAT agar masa depan dakwah Islam kepada individu dakwah dan kepada masyarakat terjamin mencapai kemenangan. Dengan mengikuti templat yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat, permasalahan yang terjadi dalam kalangan pendakwah juga diharapkan dapat diatasi dengan baik. Pengkaji merumuskan kajian ini kepada beberapa objektif iaitu untuk mengetahui konsep *tarbiyat al-ruhiyah* menurut perspektif Islam dan untuk mengkaji pelaksanaan tarbiyat al-ruhiyah di bahagian dakwah.

DEFINISI *TARBIYAT AL-RUHIYAH*

Tarbiyat a-Ruhiyah merupakan gabungan dua perkataan iaitu tarbiyah dan ruhiyah. Bagi memahami definisi tarbiyat al-ruhiyah dengan jelas sebaiknya terlebih dahulu mengetahui definisi kedua-dua perkataan tersebut. Tarbiyah bermaksud cara ideal dalam berinteraksi dengan fitrah manusia, baik secara langsung mahupun secara tidak langsung untuk memproses perubahan dalam diri manusia menuju keadaan yang lebih baik. Tarbiyah merupakan proses mempersiapkan manusia dengan persiapan yang menyeluruh iaitu menyentuh seluruh aspek kehidupan manusia, meliputi rohani, jasmani dan akal. (Ali Abdul Halim Mahmud 2011). Manusia akan mendapatkan Islam yang syumul hanya dengan tarbiyah. Pengertian dari segi bahasa, tarbiyah berasal daripada perkataan Arab *rabba* yang bermaksud membentuk sesuatu secara bertahap sampai pada tingkat kesempurnaan. Secara istilah pula, tarbiyah adalah usaha yang dilakukan dengan pelbagai cara yang tidak bertentangan dengan syari'at dan membentuk manusia serta memeliharanya, sehingga ia menjadi khalifah di muka bumi ini dengan penghambaan diri yang sempurna kepada Allah SWT.

Menurut *Kamus Dewan* Edisi Kedua, tarbiyah bermaksud pendidikan, pengasuhan, bimbingan, dan pengajaran. Pendidikan adalah satu-satu jalan yang mudah untuk merubah sesuatu masyarakat (Mustafa Masyhur 1989). Berdasarkan pengertian tersebut, dapatlah diketahui bahawa tarbiyah merupakan suatu kegiatan yang memerlukan proses yang lama untuk menghasilkan muslim yang syumul. Allah SWT. telah menegaskan melalui al-Quran dalam surah at-Tin bahawa manusia merupakan makhluk yang paling sempurna:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.”

[QS, Surah Al-Tin (95):4].

Manusia mempunyai tiga unsur pokok iaitu hati, akal dan jasad. Setiap unsur memerlukan pengisian. Sebagaimana jasad memerlukan makanan untuk hidup, begitu juga akal menuntut kita untuk mencari ilmu. Manakala hati pula memerlukan ibadah-ibadah mahdah untuk dilaksanakan. (Jasiman 2017). Seseorang muslim yang syumul hendaklah memastikan dirinya seimbang di antara keperluan hati, akal dan jasmani berpandukan al-Quran dan Sunnah. Tarbiyah dalam manhaj Ikhwanul Muslimin memiliki peranan yang sangat penting untuk pembinaan peribadi sesuai dengan nilai-nilai Islam dan cara kerja sistem tarbiyahnya demi untuk menyampaikannya kepada suatu tujuan iaitu masyarakat muslim, umat muslim dan negara Islam yang menegakkan syariat Allah.

Ruhyiah pula adalah hubungan yang erat antara hamba dengan Allah SWT. Ruhyiah merupakan kekuatan dalaman dari seseorang dalam menunaikan kerja-kerja amal dakwah dan ruhyiah itu tercermin daripada keteduhan diri, dan ibadah-ibadah yang dilakukan.

Tarbiyat al-ruhyiah dinamakan juga dengan pendidikan spiritual, didikan jiwa, kekuatan rohani dan pendidikan jiwa. Pendidikan spiritual adalah proses perubahan dari jiwa yang kotor kepada jiwa yang bersih, dari akal yang enggan kepada akal yang tunduk kepada syariat Allah, dari ruh yang lalai dalam beribadah kepada ruh yang sentiasa menjaga hak-hak ibadahnya, dari jasad yang tidak mengikuti syariat kepada jasad yang mematuhi syariat Allah, samada perbuatannya, perkataannya, mahupun keadaan sekelilingnya (Sa'id Hawwa, 1989).

Menurut Ali Abdul Halim Mahmud (1995), pendidikan spiritual merupakan rasa cinta kepada Allah sehingga menjadikan seseorang itu hanya mengharapkan ridha-Nya sahaja dalam segala perbuatan, perkataan, dan seluruh kehidupannya serta menjauhi segala larangan Allah SWT. Pendidikan spiritual bertujuan untuk mengadakan hubungan yang erat dengan Penciptanya.

Matlamat *tarbiyat al-ruhyiah* adalah taqwa. Taqwa merupakan benteng hati yang kuat yang akan mendorong seseorang melakukan amal-amal soleh serta menjauhkan diri daripada kejahatan dan dosa. Taqwa hanya akan terlahir apabila hati sentiasa kuat, keimanan semakin meningkat dengan merasa takut kepada Allah SWT., berharap akan limpah kurnia dan *maghfirah*-Nya.

Bekal taqwa inilah yang akan diperoleh pendakwah apabila mereka sentiasa menjaga tarbiyah ruhiyah masing-masing. Ia merupakan bekal yang paling baik dalam menjamin keselamatan dan kebahagiaan manusia, baik dalam menghadapi urusan duniawi mahupun ukhrawi. Taqwa bermaksud Allah tidak melihat kita berada di dalam laranganNya dan tidak terlepas juga di dalam perintahNya. Sebahagian ulama juga mendefinisikan taqwa dengan mencegah dari azab Allah dengan melakukan amal-amal soleh dan takut kepadaNya ketika bersendirian.

Setiap metode tarbiyah yang dikehendaki Islam dan diperintahkan oleh Allah mempunyai sebab-sebab di atas perintah tersebut. Kepentingan tersebut adalah untuk kepentingan manusia itu sendiri. Antaranya, melahirkan individu yang sensitif terhadap tanggungjawabnya, menyembuhkan penyakit hati (Yusuf Qaradhawi 2017), menguatkan jiwa ketika berhadapan dengan ujian dalaman dan luaran, membantu seseorang individu untuk istiqamah dalam jalan dakwah dan mencapai keredhaan Allah.

Tarbiyat al-ruhiyah tidak akan diperoleh dengan tidak melakukan apa-apa. Ianya akan diperoleh hanya dengan sekecil-kecil usaha. Faktor dalaman sangat mempengaruhi tarbiyah seseorang individu. Ianya tidak akan berhasil andai tidak ada daya penolak di dalam diri seseorang iaitu ikhlas, ihsan, sabar, tadabbur dan tafakkur alam dan muhasabah (mengingati mati).

Selain daripada faktor dalaman, faktor luaran juga sangat membantu tarbiyah seseorang. Faktor luaran bermaksud segala perbuatan baik yang boleh dilakukan samada terhadap diri sendiri mahupun orang lain. Antaranya, memperbanyak tilawah dan tadabbur, menghidupkan sepertiga malam dengan amal ibadah, melakukan sunnah Rasulullah, sentiasa bersama orang-orang soleh, sentiasa berzikir dan menjaga ibadah fardhu dan menambah ibadah-ibadah sunat.

KEPENTINGAN *TARBIYAT AL-RUHIYAH* TERHADAP PENDAKWAH

Penerapan *tarbiyat al-ruhiyah* di dalam diri seorang pendakwah akan memberi kesan yang lebih mendalam dan berupaya melahirkan individu yang berorientasikan Allah. Hal ini kerana penjagaan hubungan dengan Allah akan membantu dan mengeratkan hubungan sesama manusia. Hasil penjagaan *tarbiyat al-ruhiyah* ini, seseorang pendakwah akan dikurniakan pemahaman terhadap al-quran, mendapat pertolongan daripada Allah, mendapat taufiq dalam segala perbuatan dan perkataan, membersihkan dan menjernihkan jiwa dari sifat keraguan dan khawatir, membiasakan seseorang mencintai kebaikan dan mengutamakan kebenaran dan yang

paling berhasil adalah sentiasa berpegang teguh dengan Islam (Nasih Ulwan 1995).

Pendakwah yang melakukan kerja dakwah kerana Allah serta tidak mengabaikan sisi tarbiyah mereka, akan mendorong mereka untuk menjalankan dakwah kepada Allah berdasarkan petunjuk, hikmah, nasihat yang baik, dan berdebat dengan cara yang baik, menjalankan harakah demi Islam, berusaha mendidik manusia memahami Islam, melatih manusia menjalankan Islam dalam kehidupan seharian dan juga mereka akan sentiasa memegang teguh rukun Iman, rukun Islam, berlaku adil, berbuat ihsan dan melaksanakan amar ma'ruf nahi mungkar (Nasih Ulwan 1995).

Kesimpulannya, tarbiyat al-ruhiyah memainkan peranan yang penting terhadap gerak kerja dakwah. Hal ini kerana ia akan mempengaruhi individu tersebut dan juga orang sekelilingnya. Hubungan baik dan erat yang dijalinan dengan Allah akan membantu proses pembaharuan dalam masyarakat dan juga negara. Allah telahpun menjanjikan kemenangan bagi mereka yang menolong agama-Nya, namun, apa yang dikehendaki adalah usaha-usaha daripada tangan-tangan manusia tersebut. Pelbagai wasilah dan kaedah yang boleh digunakan dan dilakukan oleh para pendakwah untuk menjaga tarbiyah mereka di samping melakukan gerak kerja dakwah. Wasilah tersebut merangkumi aspek luaran dan dalaman kerana pendakwah itu pasti akan menghadapi ancaman daripada dua sudut tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Metode pengumpulan data melalui temubual separa struktur digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan pelaksanaan *tarbiyat al-ruhiyah* di Bahagian Dakwah JHEAT. Seorang informan terlibat dalam kajian ini yang merupakan Penolong Pesuruhjaya Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.

PELAKSANAAN *TARBIYAT AL-RUHIYAH* DI JHEAT

Hasil kajian mendapati pelaksanaan tarbiyat al-ruhiyah yang diterapkan di JHEAT adalah melalui pembentukan akhlak, pembentukan jati diri dan pembentukan kepimpinan. Melalui pembentukan akhlak, beberapa orang pegawai atasan akan dihantar ke Kuala Lumpur untuk menghadiri Kursus Tafaqquh selama 2 hari dalam sebulan. Kursus Tafaqquh ini dijalankan di bawah kelolaan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). ILIM merupakan institut yang bertanggungjawab menyediakan kursus, seminar dan latihan kepada Pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Melalui kursus ini,

pegawai akan mempelajari hadis, al-Quran dan solat untuk memantapkan lagi tarbiyah al-ruhiyah individu tersebut sehingga melahirkan akhlak Islam yang syumul (Zahiruddin 2019).

Seterusnya, pembentukan jati diri pula dilatih dengan menghantar pegawai-pegawai lelaki sahaja ke luar negara pada bulan puasa. Setiap tahun, dua orang pegawai akan ditarbiyah di sana selama sebulan secara berurutan. Antara negara yang selalu menerima pegawai-pegawai dari JHEAT adalah Australia. Ketika sebulan berada di negara tersebut, mereka dikehendaki menjadi imam solat fardhu, imam solat tarawih, memberi tazkirah harian dan mengetuai tadarus al-Quran (Zahiruddin 2019).

Selain itu, dari segi pembentukan kepimpinan, pegawai-pegawai akan menghadiri seminar-seminar dan kursus-kursus integriti, kepimpinan dan juga kursus penyampaian untuk memantapkan penyampaian dakwah. Selepas itu, pegawai-pegawai tersebut dikehendaki menjalankan program-program dakwah dan tarbiyah bersama masyarakat seperti ceramah Maulidur Rasul, ceramah Isra' dan Mikraj, kuliah-kuliah agama dan tazkirah ringkas kepada masyarakat. Output daripada seminar dan kursus yang dihadiri tersebut adalah supaya ianya boleh diaplikasikan ketika berdakwah kepada masyarakat (Zahiruddin 2019).

Melalui pelaksanaan program berbentuk kepimpinan. Program itu telah mendidik dan membentuk daya kepimpinan kakitangan JHEAT. Di samping menyedarkan mereka bahawa setiap daripada mereka adalah pemimpin dan bertanggungjawab melaksanakan tugas yang diamanahkan. Tidak kiralah sama ada mereka itu berjawatan tinggi, rendah, atau pemimpin unit-unit kecil dalam JHEAT (Zahiruddin 2019).

Antara program yang diadakan adalah Program Pengisian Kerohanian untuk Golongan 25 Tahun Ke atas (PPK25), Program Ta'mir (ceramah agama mingguan), Kursus Kepimpinan, Kursus Integriti, Program Kursus Audit Dalaman (5S), Kursus 'Training of Trainers' Ejen Halal Negeri Terengganu, Kursus Tafaqquh, dan Kursus ke luar negara, Tazkirah Bulanan di Istana Syarqiyyah Kuala Terengganu, Bengkel Juru Tasmi' Hafaz Pelajar Sekolah, Bengkel Talaqqi Daie Mualim, Kursus Peningkatan Profesional Pegawai dan Kakitangan Bahagian Dakwah dan juga Forum Perdana Hal Ehwat Islam (Zahiruddin 2019).

Cabaran Dalam Pelaksanaan *Tarbiyat Al-Ruhiyah* Terhadap Kakitangan JHEAT

Dalam sebarang program atau aktiviti yang diadakan, pasti tidak dapat lari daripada sebarang cabaran-cabaran yang dihadapi. Namun cabaran itu haruslah diatasi agar ia tidak memberikan kesan yang lebih buruk dan drastik terhadap perjalanan sesebuah organisasi atau sesuatu program. Keadaan ini

juga turut dialami oleh JHEAT dalam melaksanakan *tarbiyat al-ruhiyah* terhadap kakitangannya. Setelah diteliti pengkaji dapat merumuskan bahawa masalah-masalah utama yang sering timbul ialah berkaitan dengan masalah dari aspek perbezaan fahaman, masalah dari aspek kewangan, masalah dari aspek kakitangan.

Masalah yang paling utama dalam pelaksanaan *tarbiyat al-ruhiyah* di JHEAT adalah apabila terdapat perbezaan fahaman sesama kakitangan tersebut. Walaupun yang memberi tazkirah merupakan orang yang lebih tinggi kedudukannya, namun, disebabkan jurang ini, pelaksanaan tersebut tidak dapat dijalankan dengan baik dan mungkin tidak memberi kesan yang mendalam kepada kakitangan JHEAT (Zahiruddin 2019). Masalah ini lebih kritikal apabila pelaksanaan tarbiyah ruhiyah ini cuba diterapkan kepada pegawai-pegawai kerajaan dan pegawai-pegawai atasan. Kakitangan JHEAT bertanggungjawab menjalankan tarbiyah tersebut akan menghadapi risiko yang besar seperti ditangkap dan disaman oleh pihak atasan, risiko di'beku'kan daripada kerja dakwah dan yang paling teruk lagi adalah akan dibunuh.

Kedua, bagi sesebuah institusi dakwah yang bergerak aktif dalam masyarakat, sumber kewangan merupakan aspek paling penting dalam menjalankan aktiviti dan program tarbiyah (Zahiruddin 2019). Melalui pemerhatian pengkaji, banyak perancangan untuk program-program berkaitan dakwah dan tarbiyah kepada kakitangan. Namun, tidak semua perancangan dapat dilaksanakan dengan baik akibat daripada masalah yang dihadapi. Walaupun banyak agensi-agensi kerajaan yang membantu, namun, tidak dapat menampung beberapa kos perbelanjaan program tersebut. Oleh kerana itu, pihak JHEAT perlu mencari sumber lain untuk mendapatkan pendapatan.

Ketiga, masalah dari aspek kakitangan. Kakitangan atau pekerja merupakan aset utama dalam sesebuah organisasi. Tanpa kakitangan mahupun para pekerja yang berkualiti sudah tentu akan menyukarkan proses perjalanan sesebuah organisasi. Hal ini kerana kejayaan sesebuah organisasi itu bergantung sepenuhnya terhadap tahap pemantapan ruhiyah para pekerja dan bagaimana sikap kakitangan yang dimiliki. Sekiranya berkualiti kakitangannya sudah pasti organisasi itu dapat digembelingkan dengan jaya.

Namun jika tahap pemantapan ruhiyah dan kualiti para pekerjanya tidak sebagaimana yang diinginkan, sudah tentu sesebuah organisasi itu tidak dapat menjalankan tanggungjawab terhadap masyarakat dengan sempurna. Begitu jugalah yang akan terjadi di dalam penganjuran sesebuah program. Kakitangan memainkan peranan yang penting dalam menjayakan atau menggagalkan sesuatu program yang dilaksanakan.

Hal ini kerana pengkaji telah mendapati permasalahan yang sering timbul dalam aspek kakitangan ini ialah komitmen para pekerja dengan

program-program ruhiyah yang diadakan. Komitmen itu penting kerana tanpanya, proses perjalanan program itu tidak dilaksanakan dengan baik. Menurut En. Zahiruddin (2019), situasi sebegini bukanlah satu perkara yang asing bahkan seringkali terjadi dalam sesebuah organisasi. Keadaan ini terjadi disebabkan masalah hati pada individu tersebut yang menyebabkan kesukaran untuk menerima segala nasihat dan teguran walaupun daripada pegawai atasan. Pengkaji mendapati punca kesukaran penerimaan ini adalah disebabkan faktor masa bekerja. Hal ini jelas kelihatan apabila seseorang pekerja itu telah berkhidmat selama belasan tahun. Oleh itu, terdapat halangan yang kuat antara pegawai-pegawai.

Permasalahan seterusnya yang telah dikenal pasti oleh pengkaji ialah mengenai sikap. Hal ini kerana adanya sesetengah kakitangan dalam bahagian tertentu melepaskan tanggungjawab kepada pihak yang lain apabila mereka tidak dapat menjalankan tanggungjawab tersebut akibat daripada kekangan masa atau tidak mahir dalam bidang ini (Zahiruddin 2019) Namun, tanggungjawab melaksanakan Tarbiyat al-ruhiyah itu adalah tanggungjawab semua yang bergelar muslim. Keadaan ini telah menyukarkan bahagian-bahagian tertentu untuk mengurus dan mengendalikan sesuatu program yang dirancang. Pengkaji mengharapkan masalah-masalah ini tidak akan menjadi penghalang utama kepada pihak JHEAT dalam usaha melaksanakan program-program tarbiyah dengan baik. Hal ini kerana permasalahan yang dialami itu masih dapat diperbaiki dan dipertimbangkan lagi mutu kesedaran di kalangan para pekerja dalam setiap program yang dirancang.

Cadangan Penambahbaikan Pelaksanaan *Tarbiyat al-Ruhiyah* Terhadap Kakitangan JHEAT

Sudah menjadi sunnah alam, setiap masalah yang berlaku pasti ada jalan penyelesaiannya. Begitu jugalah dengan permasalahan yang dihadapi oleh JHEAT dalam melaksanakan *tarbiyat al-ruhiyah* dalam kalangan kakitangan. Setiap permasalahan yang dihadapi, jika tidak diatasi dengan baik, akan menambahkan lagi masalah-masalah lain.

Melalui hasil temubual, mendapati bahawa perkara utama yang perlu dilakukan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut adalah dengan menanamkan kesedaran jiwa yang tinggi tentang matlamat dan tujuan mereka melaksanakan pekerjaan. Hal ini kerana melalui kesedaran itulah akan melahirkan warga JHEAT yang berkualiti pada masa akan datang selaras sebagai seorang muslim yang melakukan setiap pekerjaan ikhlas kerana Allah SWT. Sungguhpun begitu, setiap pekerja haruslah berusaha mendapatkan kesedaran tersebut dengan mendalami agama.

Selain itu, setiap pekerja haruslah mempunyai minat dalam membaca dan rajinkan diri untuk membaca. Setiap bulan haruslah berjaya menghabiskan satu buku, jika tidak mampu, disarankan agar tiga bulan satu buku. Buku-buku yang dibaca juga perlu dipilih mengikut keperluan semasa. Buku-buku yang berkaitan dengan keimanan dan kerohanian perlu diutamakan berbanding buku-buku lain.

Seterusnya, setiap program tarbiyah perlu dijalankan dengan rasa kasih sayang dan kasihan. Hal ini kerana, dakwah yang dilakukan dengan keterpaksaan akan merosakkan segala amal dan mengurangkan penerimaan. Hasil daripada temubual, jelas menunjukkan bahawa sambutan terhadap sesuatu program itu memainkan peranan yang penting dalam menjayakan sesuatu program tarbiyah. Hal ini haruslah dipandang berat oleh mana-mana organisasi yang ingin mengadakan program. Oleh itu, strategi dan promosi yang bijak harus dilakukan sebelum sesuatu program itu diadakan. Kesannya nanti pasti memberikan impak yang positif dan dapat menarik sasaran untuk cenderung mengikuti program.

Pengkaji juga mencadangkan agar dibuat sedikit penambahbaikan dalam pengurusan program yang dilakukan iaitu dengan menjalankan post mortem setiap kali sesuatu program dilaksanakan. Hal ini bertujuan untuk mengenalpasti sebarang masalah yang timbul dan mencari jalan penyelesaian yang sesuai agar dalam program yang seterusnya masalah-masalah itu tidak berulang. Keadaan ini menjadikan JHEAT dapat mengadakan program-program dengan baik dan berkesan.

Akhir sekali, bagi mengatasi masalah dari aspek perbezaan fahaman, pengkaji mencadangkan agar menjemput pihak luar untuk memberikan sebarang pengisian kepada kakitangan JHEAT. Pihak luar yang memberi nasihat lebih dahulu diterima oleh seseorang berbanding pihak yang bekerja bersama-sama. Hal ini kerana pihak luar tidak dikenali dan tidak banyak mengetahui berkaitan orang yang akan ditarbiyah tersebut.

IMPLIKASI KAJIAN

Pengkaji merumuskan implikasi kajian kepada kakitangan JHEAT, masyarakat umum, para pendakwah di jalan Allah. Dapatan kajian mendapati aplikasi *tarbiyat* kepada kakitangan JHEAT dapat membantu kelancaran dalam gerak kerja mereka, menjalinkan hubungan yang baik dalam kalangan kakitangan JHEAT, dan menjadikan jabatan ini sebagai contoh kepada institusi lain. Seterusnya, kajian ini menjadikan kakitangan JHEAT lebih memahami Islam sebagai agama yang syumul, mempunyai kesedaran untuk berubah dan bertanggungjawab atas setiap tugas mereka. Kajian ini dapat membantu kakitangan JHEAT membaiki aspek yang tertentu dalam elemen tarbiyah mereka.

PENUTUP

Kesimpulannya, pelaksanaan *tarbiyat al-ruhiyah* di JHEAT telah pun wujud sejak awal penubuhan jabatan ini. Jenis-jenis Tarbiyat al-ruhiyah yang dijalankan adalah berbentuk pembentukan akhlak, pembentukan jati diri dan pembentukan kepimpinan. Pelaksanaan tersebut dijalankan melalui pelbagai cara. Antaranya, Kursus Tafaqquh, Kursus ke luar negara, Kursus Integriti, Kursus Kepimpinan, Kursus Penyampaian, ceramah Maulidur Rasul, ceramah Isra' Mikraj, kuliah agama, Program Pengisian Kerohanian untuk Golongan 25 Tahun Ke atas (PPK25), Program Ta'mir (ceramah agama mingguan), Kursus Kepimpinan, Kursus Integriti, Program Kursus Audit Dalam (5S), Kursus 'Training of Trainers' Ejen Halal Negeri Terengganu, Tazkirah Bulanan di Istana Syarqiyyah Kuala Terengganu, Bengkel Juru Tasmi' Hafaz Pelajar Sekolah, Bengkel Talaqqi Dai'e Mualim, Kursus Peningkatan Profesional Pegawai dan Kakitangan Bahagian Dakwah Forum Perdana Hal Ehwal Islam dan juga seminar-seminar.

Sungguhpun begitu, bahagian dakwah JHEAT menghadapi beberapa cabaran dan masalah di dalam melaksanakan *tarbiyat al-ruhiyah* dalam kalangan kakitangan. Masalah tersebut dikenal pasti melalui tiga aspek iaitu aspek perbezaan fahaman, aspek kewangan dan aspek kakitangan. Oleh itu, pengkaji memberikan beberapa cadangan bagi penambahbaikan dalam pelaksanaan *tarbiyat al-ruhiyah* di JHEAT iaitu dengan menanamkan kesedaran jiwa kepada para pekerja, dalam masa yang sama mereka juga perlu berusaha membangkitkan kesedaran dalam diri masing-masing. Selain itu, setiap pekerja haruslah mempunyai minat dan kesedaran untuk membaca. Akhir sekali, pelaksanaan *tarbiyat al-ruhiyah* ini haruslah dilakukan dengan penuh kasih sayang agar diterima semua orang.

Pengkaji mengharapkan agar pelaksanaan *tarbiyat al-ruhiyah* dalam kalangan kakitangan JHEAT dapat diteruskan dan dipertingkatkan usahanya. Hal ini kerana pengkaji mendapati keadaan kakitangan JHEAT yang sedia ada pada masa sekarang ini, jauh lebih baik jika dibandingkan pada masa sebelumnya. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa JHEAT ini telah bergerak seiring dengan arus kemodenan semasa dalam melaksanakan peranannya untuk melahirkan masyarakat yang mengamalkan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan melalui kakitangan mereka terlebih dahulu. Oleh itu diharapkan agar JHEAT dapat terus melangkah menjadi sebuah organisasi yang berwibawa di Terengganu. Segala cadangan yang dikemukakan itu diharap dapat memperbaiki dan mempertingkatkan lagi usaha JHEAT dalam melahirkan kakitangan dan masyarakat Terengganu yang berkualiti dari sudut tarbiyah masing-masing.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Penulisan: Siti Nabilah Mohd Fadli. Semakan dan penyusunan idea: Anuar Puteh

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Dr Qahhar sebagai penyelia bagi pelaksanaan kertas kerja ilmiah ini. Juga kepada pihak JHEAT diatas kerjasama yang diberikan dan informasi yang dikongsikan.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim dan Terjemahan. Al-Quran Darul Iman*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- Abdul Nasih Ulwan. 1995. *Ruhaniyatud-Da'iah: Tarbiah Ruhiah*. (Terj.) Ajid Muslim, Jakarta, Penerbit Robbani Press.
- Abdurahman Abdullah & Abdul Ghafar Don. 2018. Konsep Komitmen Dakwah Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) JAKIM. *Jurnal At-Tahkim* 8(4): 1-8. <http://attahkimjournal.com/wp-content/uploads/ABDURAHMAAN.pdf>
- Ali Abdul Halim Mahmud. 2000. *al-Tarbiyyah ar-Ruhiyyah: Pendidikan Rohani*. (Terj.) Abdul Hayyie al-Kattani dkk, Jakarta, Penerbit Gema Insani Press.
- Ali Abdul Halim Mahmud. 2011. Perangkat-Perangkat Tarbiyah Ikhwanul Muslimin: Studi Analisis dan Historis/ Ali Abdul Halim Mahmud. (Terj.) Wahid Ahmadi, Fakhruddin Nursyam, Khozin Abu Faqih, ed. Fajri Muhammad, Anwar Abdulghani. Solo: Penerbit Era Adicitra Intermedia.
- Fathi Yakan. 2007. *Bahtera Penyelamat Dalam Kehidupan Pendakwah*. (Terj.) Ustaz Abdul Ghani. Selangor: Pustaka Fajar.
- Hafez Sabri. 2014. *Tarbiyah Ruhiah*, Perak, Penerbit Media Haraki
- Majdi al-Hilali. 2015. *Al-Iman Awwalan Fa Kaiifa Nabda Bihi; Di hati Kita Bermula*. (Terj.) Adam Syafaat, Henri Shalahuddin, Ken Imam. Selangor: Penerbit Grup Buku Karangkrak Sdn.Bhd.
- Musyirah Zulkarnain. 2014. *Tarbiah Dzatihah*. Selangor: Penerbit Iman Publications

- Najih Ibrahim. 2009. Kepada Aktivist Muslim, h. 141, 181, t.t.
- Nik Hasnah Ismail. 2015. Pendakwah Perlu Berilmu, Bukan Berasaskan Populariti. Diambil dari: <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/12/102334/pendakwah-perlu-berilmu-bukan-berasaskan-populariti>
- Nur A'thiroh Masyaa'il binti Abdullah @ Tan Ai Pao, Zulaikha Farhana. 2015. Konsep Kepimpinan Pendakwah kepada Mualaf: Satu Kajian Awal. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah Disunting oleh: Ahmad Irdha Mokhtar dan Zulkefli Aini. Penerbit Aqwa Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Terengganu, Sejarah dan Perkembangannya Hingga Kini. 2014. disusun oleh Haji Umar Bin Musa, Cetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd., Terengganu.
- Rasyid, Muhammad Ahmad. 2015. *Tadzkirotun Naqib*. Jakarta, Penerbit Robbani Press.
- Sa'id Hawwa. 1995. Mensucikan Jiwa: Konsep Tazkiyatun nafs Terpadu Temubual bersama Zahiruddin Fahmi Ahmad Zakhi. 2019. Penolong Pesuruhjaya (Unit Penerbitan) Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.

Pengarang:

*Siti Nabilah Mohd Fadli (Pengarang Koresponden)
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
Emel: p113644@siswa.ukm.edu.my

Anuar Puteh
Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
Emel: anteh@ukm.edu.my